

Kualiti air tukar warna dikaji

» *Hulu sungai berkeladak selepas gempa dipantau*

Oleh Suzianah Jiffar, Poliana Ronnie Sidom, Johary Indan dan Mohd Nazlie Zainul
bhnews@bh.com.my

Ranau

Kajian akan dilakukan berhubung kualiti air di Sungai Kadamaian, Kota Belud yang berubah warna sejak kelmarin dan dikhuatiri tercemar susulan gempa bumi di Ranau, minggu lalu.

Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Sabah, Datuk Masidi Manjun, berkata pemantauan dilakukan di hulu sungai selepas menerima laporan air berkeladak dan bercampur lumpur.

Bagaimanapun, katanya, tiada halangan ditemui terhadap aliran air di hulu sungai berkenaan.

“Beberapa pakar dikatakan sudah mengambil contoh air sungai untuk kajian,” katanya ketika dihubungi semalam.

Di Kota Belud, Pembantu Menteri Pertanian dan Industri Makanan negeri, Datuk Musbah Jamli, menasihatkan



Tali air JPS untuk jelapang padi Kampung Paka Piasau **dicemari air berlumpur dari Sungai Tempasuk, Kota Belud.**

[FOTO JOHARY INDAN/BH]

penduduk supaya tidak menggunakan air Sungai Tempasuk, Kadamaian dan Tohubang yang dicemari lumpur.

Beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tempasuk berkata, ketiga-tiga sungai itu didapati dipenuhi lumpur.

Air tidak selamat

“Mesyuarat Tindakan Daerah memutuskan sumber air dari tiga sungai itu

tidak selamat digunakan sehingga keadaan pulih,” katanya.

Musbah berkata, jelapang padi di Kota Belud turut me-

“**Mesyuarat Tindakan Daerah memutuskan sumber air dari Sungai Tempasuk, Kadamaian dan Tohubang tidak selamat digunakan sehingga keadaan pulih**”

Musbah Jamli,
Pembantu Menteri
Pertanian dan Industri
Makanan Sabah

ngalami kesan gempa bumi apabila sumber air dari Sungai Tempasuk bertukar menjadi lumpur.

Katanya, Sungai Tohubang di Kampung Lobong-Lobong 30 kilometer dari Gunung Kinabalu, dipenuhi timbunan batu besar akibat gempa Jumaat lalu.

Sementara itu, Pegawai Daerah Kota Belud, Abdul Gari Itam, berkata runtuhannya tanah dan batu di lereng Gunung Kinabalu di sekitar Kampung Kiau, menyebabkan Sungai Kadamaian keruh dan berkeladak.

“Kualiti sungai di paras rendah dan tidak dapat dirawat manakala bekalan air di daerah Kota Belud terjejas sejak semalam susulan operasi Loji Rawatan Air Bayayat dihentikan sementara,” katanya.

